2025

PENANGPORT
A Member of MMC Group

PEGAWAI BOMBA

(SECURITY & EMERGENCY SERVICES)

TANGGUNGJAWAB:

- Menjalankan tugas memadam dan mencegah kebakaran di kawasan pelabuhan termasuk kawasan darat, perairan pelabuhan (port limit) serta semasa aktiviti kargo berbahaya (DG), bunkering dan kerja panas (Hot Work).
- Melaksanakan operasi penyelamatan merangkumi penyelamatan biasa, penyelamatan aras tinggi, penyelamatan di air, operasi HAZMAT, *salvage* serta menangani ancaman haiwan berbisa.
- Mengawal dan menangani pencemaran di kawasan darat dan laut pelabuhan serta melaksanakan tugas sanitasi di kawasan pelabuhan.
- Memberi pertolongan cemas (First Aider), bertindak sebagai paramedik apabila ditugaskan serta menghadiri kursus Paramedik bagi menyokong operasi ambulans.
- Menerima dan merekod laporan kebakaran di bilik kawalan serta merekod semua aktiviti operasi kebombaan dalam buku catatan harian balai.
- Melaksanakan pemeriksaan, ujian dan penyelenggaraan jentera, peralatan kebombaan, alat pemadam api, sistem pencegah kebakaran serta memastikan peralatan komunikasi dan *wireless* berfungsi dengan baik.
- Mengendalikan tugas pemanduan kenderaan bomba (kelas D) dan pengoperasian pam sekiranya diperlukan.
- Menjaga kebersihan kawasan balai, membantu urus tadbir balai serta menyertai latihan dan aktiviti berkaitan kebombaan.
- Memberi latihan dan taklimat berkaitan kecemasan dan kebombaan kepada kakitangan serta pengguna pelabuhan.
- Mematuhi semua peraturan kebombaan dan peraturan lain yang sedang dikuatkuasakan serta melaksanakan lain-lain tugas seperti diarahkan oleh pegawai atasan.

SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dengan kepujian dalam subjek Sains, Matematik, dan Bahasa Melayu.
- Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional) atau Sijil Giat Mara Tahap 2 atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
- Kemahiran penggunaan komputer
- Pengetahuan aspek peralatan bomba

Hantarkan permohonan anda bersama **Resume** dan **Sijil Akademik** ke:

recruitment@penangport.com.my sebelum **31 Disember 2025**.